



**ANUGERAH GEMILANG PERTISAS 2021**  
**ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG PERTISAS (PENULISAN)**  
**(PENULISAN SOSIAL)**

---

**1. LATAR BELAKANG ANUGERAH**

**ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG PERTISAS (KHIDMAT KOMUNITI)** merupakan anugerah yang diberikan kepada staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) yang aktif dalam persatuan/ pertubuhan/ sukarelawan sama ada dalam atau luar Universiti serta memberi sumbangan besar kepada institusi dan masyarakat dengan memperuntukkan masa, komitmen, ketekunan, dedikasi dan ihsan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

**2. KRITERIA**

Penilaian adalah berdasarkan kepada:

- (1) Keahlian / keanggotaan dalam persatuan / pertubuhan / sukarelawan / badan bukan kerajaan (NGO) di Peringkat Universiti / Komuniti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa;
- (2) Pelaksanaan aktiviti / program komuniti yang memberi impak tinggi dalam meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti dan meningkatkan sahsiah kakitangan Universiti;
- (3) Anugerah berbentuk pingat/sijil penghargaan/surat sokongan yang berkaitan dengan khidmat masyarakat sahaja;
- (4) Penglibatan di peringkat Universiti / Komuniti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa;
- (5) Peranan / jawatan yang disandang dalam aktiviti / projek khidmat masyarakat; dan
- (6) Sumbangan dan pencapaian yang diambil kira adalah disepanjang tempoh perkhidmatan.

### **3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN**

- (1) Terbuka kepada semua staf tetap atau kontrak bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) yang telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun pada tarikh tutup pencalonan.
- (2) Memperolehi markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas bagi tempoh tiga tahun ke belakang daripada tahun anugerah.
- (3) Calon hendaklah merupakan ahli yang berdaftar dengan PERTISAS UTM;
- (4) Mempunyai personaliti yang baik dan tidak terlibat dengan kes-kes tatatertib atau salah laku;
- (5) Pencalonan perlulah menggunakan borang atau sistem yang telah disediakan
- (6) Pentadbir yang pernah memenangi Anugerah Emas untuk pencalonan kategori ini adalah tidak layak mengemukakan pencalonan bagi kategori Anugerah yang sama bagi tempoh dua (2) kali anugerah berikutnya daripada tahun dimenangi. Walau bagaimanapun, Pentadbir tersebut boleh mengemukakan pencalonan untuk kategori Anugerah yang lain.
- (7) Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:
  - (a) Curriculum Vitae (CV);
  - (b) Bahan bukti bagi sumbangan dan pencapaian (contoh: sijil, surat penghargaan, surat lantikan, laporan projek, bukti bergambar, keratan akhbar, dll).  
Nota: Bahan bukti yang dikemukakan hendaklah mempunyai keterangan jelas yang menunjukkan penglibatan Calon seperti tertera nama atau gambar Calon. Mana-mana sumbangan dan pencapaian yang tidak dikemukakan bahan bukti tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah. Mana-mana bahan bukti yang tidak menunjukkan penglibatan Calon secara jelas juga tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah.
- (8) Tarikh tutup pencalonan ialah pada **30 Jun 2021**

### **4. HADIAH**

- (1) Sijil Pemenang (Penarafan Emas / Perak / Gangsa)
- (2) Hadiah / Cenderamata

## **5. PROSEDUR PENCALONAN DAN PEMILIHAN PEMENANG**

- (1) Pencalonan hendaklah dibuat menggunakan sistem yang disediakan. Kaedah pencalonan adalah seperti berikut:
  - (a) Mencalonkan diri sendiri; atau
  - (b) Dicalonkan oleh rakan sekerja; atau
  - (c) Dicalonkan oleh Ketua PTj / Jabatan.
- (2) Semua pencalonan yang lengkap akan dikemukakan kepada Panel Penilai untuk tujuan pemilihan muktamad. Hanya seorang sahaja akan dipilih sebagai pemenang untuk kategori ini bagi setiap penarafan.
- (3) Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian markah minimum yang ditetapkan oleh Panel Penilai. Sekiranya tiada calon yang mencapai markah minimum yang ditetapkan, tiada penerima bagi kategori anugerah ini.
- (4) Keputusan akhir akan diumumkan pada majlis sambutan Konvensyen Pentadbir Universiti Awam 2021 (Peringkat UTM)

## **6. PENUTUP**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Jawatankuasa Anugerah Gemilang PERTISAS 2021

**PERTISAS UTM**

Emel: [pertisas@utm.my](mailto:pertisas@utm.my)

Telefon: 019-7769000 / 018-2380806